

09/03/2002

Merealisasikan Islam sebagai penyatu ummah

Ahmad Nawawi Yaakob

DENGAN berakhirnya Seminar Pembangunan Minda Melayu anjuran bersama Kerajaan Johor dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) baru-baru ini, tercetus satu lontaran baru mengenai bangsa Melayu yang menerajui tamadun bangsa di bumi bertuah ini.

Persoalan utama ialah keterbukaan minda Melayu untuk menerima kebenaran biar pun dari mana.

Sungguhpun pelbagai persoalan dibicarakan dalam seminar itu yang menyentuh aspek pendidikan, kebudayaan, politik, perpaduan, jihad, ijtihad dan cabaran bangsa Melayu pasca 11 September, perkara utama yang tersirat ialah sejauh mana keupayaan ummah untuk menjadikan Islam sebagai jalan penyelesaian dalam bidang ekonomi, politik, pendidikan dan sebagainya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada sidang videonya menjelaskan peri pentingnya umat Islam yang bergelar sebaik-baik ummah dan memikul tugas kekhalifahan untuk terus berusaha dan tertib sebelum Allah menolong menjayakan usaha mereka.

Tidak ada kuasa ajaib yang boleh membantu umat ini selain mereka sendiri bangkit untuk mengubah keadaan kerana yang akan mempertahankan kita dan menyelamatkan agama kita ialah kita sendiri.

Malangnya, dalam kemelut sebegini, bangsa Melayu masih tertutup mindanya untuk mencari kebenaran dan mencipta kegemilangan bagi sebuah bangsa yang telah lama bertamadun.

Sebenarnya, elemen penyatuan bangsa Melayu telah sedia terhidang, iaitu agama Islam itu sendiri.

Antara persoalan yang ditimbulkan oleh ahli panel seminar ialah adakah hanya satu yang 'al-haq' (kebenaran) dalam Islam? Tidakkah mungkin kebenaran itu dua atau tiga, malah lebih? Untuk persoalan akidah, jawapannya pasti bahawa kebenaran itu hanya satu.

Persoalan akidah tidak boleh dicerakinkan dengan pelbagai bentuk pemikiran atau fahaman kerana soal tauhid dan keimanan bersifat indoktrinasi yang termaktub dalam wahyu Ilahi.

Seorang muslim tidak boleh menolak sebarang bentuk fahaman akidah yang digariskan dalam Islam, sama ada dengan menolak konsep ketuhanan, kenabian atau hari kiamat.

Sedangkan dalam aspek syariat yang terangkum padanya aspek pengurusan, perundangan, politik dan kebudayaan, masih ada ruang yang membolehkan umat Islam mencari 'al-haq'.

'Al-haq' bukan hanya datang dari satu saluran, malah ia boleh datang daripada sesiapa saja yang memahami asas atau sumber kepada kebenaran, iaitu al-Quran dan as-Sunnah.

Adalah tidak kena jika kita menerima 'al-haq' hanya daripada satu saluran maklumat tanpa menilai saluran lain, apatah lagi jika berpaksi kepada sumber yang sama (al-Quran dan sunnah).

Oleh itu, dalam menentukan pendirian, sikap dan tindakan dalam apa jua perkara, pertimbangan minda yang terbuka amat perlu dalam menilai baik buruknya.

Islam tidak menyukai umatnya berpijak pada minda yang statik dan jumud. Berpegang kepada tradisi bukan ajaran Islam sebenar. Sebaliknya, mewarisi tradisi mulia dan tradisi itu sesuai dengan fitrah Islam, maka perkara itu amat dituntut.

Islam mendorong manusia berfikiran terbuka, sedia berbincang, sedia memberi dan menerima idea, pandangan dan pendapat orang lain, biarpun

pendapat itu mungkin pahit isinya.

Ia seiring dengan hadis Rasulullah saw bermaksud: "Perkataan yang baik itu adalah suatu sedekah" selain maksud satu hadis lain, "Perbezaan di kalangan umatku adalah satu rahmat".

Noktah bidayah (titik mula) menentukan `al-haq' hendaklah berpaksi kepada panduan al-Quran dan sunnah.

Pertimbangan pemikiran dan kupasan logika akal semata-mata bukan kata putus untuk menentukan al-haq biarpun logika itu seakan-akan menepati kehendak ekonomi atau politik semasa. Ini kerana paksi `al-haq' adalah kebenaran dan keadilan Islam.

Sudah sampai masanya kita sebagai bangsa Melayu kembali kepada sumber asas ajaran agama, iaitu al-Quran dan sunnah.

Soal perpaduan bangsa Melayu seharusnya kembali mendasari pokok perbincangan politik dan ekonomi, dengan tidak menafikan soal akidah dan ibadah ritual.

Jika bangsa Melayu boleh berjemaah dalam satu masjid yang sama, berimamkan imam yang sama, mengapa pula dalam soal politik dan kepemimpinan negara perpaduan seperti ini tidak pernah wujud.

Apakah bangsa Melayu dan umat Islam amnya lebih senang dikenal sebagai umat yang berpecah dan bergaduh sesama sendiri - hinggakan Samuel Huntington ketika melihat sejarah umat Islam, melabelnya umat yang sering bersengketa sesama sendiri tanpa membawa sebarang perubahan.

Sebelum kita lebih jauh menjayakan dialog peradaban bagi menemukan pelbagai agama dan bangsa untuk tujuan perdamaian dan keamanan sejagat, perkara utama yang perlu dilakukan ialah menjayakan dulu `dialog persaudaraan' sesama Melayu muslim dalam negara.

Kepelbagaian parti politik bukan bererti tidak elok, sebaliknya ia boleh menjadi pendorong kepada semua pihak agar berusaha lebih keras bagi mewujudkan suasana lebih baik dalam sistem pengurusan dan pembangunan Islam dalam negara.

Oleh itu, kita tidak nampak kepada perlunya pemansuhan mana-mana parti politik bangsa Melayu kerana parti-parti berkenaan berada pada landasan ketamadunan yang sama.

Cuma apa yang perlu ialah keserasian umat dan kesediaan minda yang terbuka bagi bangsa Melayu menerima kepelbagaian dan tidak menganggapnya sebagai satu cabaran atau musuh yang perlu diperangi.

Selama ini, bangsa Melayu terperangkap dengan kepompong kepartian sempit dan mendungukan.

Minda bangsa Melayu terjebak pada worldview yang dipandukan oleh kepemimpinan parti masing-masing, dengan tidak melihat aspek positif dan al-haq (kebenaran) dari perbezaan yang sedia wujud.

Masalah ini, jika berlarutan untuk tempoh 20 tahun lagi, akan muncullah pula dua mazhab baru yang mentakrifkan Islam dari sudut parti masing-masing tanpa berjejak kepada sumber asas Islam, iaitu al-Quran dan sunnah.

Hari ini pun telah berlaku apa yang dijangkakan. Masing-masing parti mendefinisikan maksud jihad daripada pengertian berbeza walaupun ia didasarkan kepada sumber yang sama.

Kita bimbang untuk masa depan, pendefinisian akan terus berbeza dan jurang perbezaannya semakin meluas. Akhirnya ia semakin sukar untuk dipertemukan kembali.

Sejarah panjang umat Islam mendapati pertelingkahan mazhab Sunnah dan Syiah sebenarnya bermula daripada perbezaan fahaman politik yang tidak mampu diselesaikan oleh kepemimpinan umat Islam ketika itu.

Selanjutnya perbezaan ini diserapi dalam beberapa cabang syariat dan akidah yang memang sukar untuk disatukan kembali hari ini. Sejarah hitam ini sepatutnya tidak diulang semula dalam tradisi bangsa Melayu untuk kita mendepani tamadun bangsa seribu tahun lagi.

Sudah sampai masanya bangsa Melayu dan kepemimpinan negara serius memikirkan persoalan ini.

Kita persoalkan, kenapa selama ini kita mampu menganjurkan persidangan peringkat antarabangsa yang disertai pelbagai lapisan pemimpin dan bangsa, berjaya pula membentuk satu parti pemerintah yang kuat yang terdiri dari berbagai bangsa dan agama (Barisan Nasional). Tetapi, amat malang jika bangsa Melayu sendiri tidak mampu kita satukan dalam satu dasar pemikiran dan arah tuju yang sama.

Kita tidak mengharapkan parti-parti sedia wujud dimansuhkan, tetapi cukuplah diadakan pertemuan empat mata atau lapan mata demi membincangkan hala tuju dan masa depan bangsa Melayu.

Atau mungkinkah kerana kita mempunyai senjata, tetapi senjata itu dihalakan ke sasaran yang tidak tepat?

Perhatikanlah siapakah sebenarnya musuh yang dicari, adakah sesama bangsa Melayu atau mungkin ada tangan-tangan lain yang sengaja mahu merosakkan perpaduan kita.

Peperangan Jamal antara Saidatina Aisyah dan Saidina Ali adalah peperangan pertama sesama umat Islam. Ia terjadi kerana adanya helah pihak ketiga yang diketuai Abdullah bin Sabak, iaitu seorang Yahudi yang berpura-pura menerima Islam.

Saidina Ali dan Aisyah tidak sedar siapakah musuh sebenar pada ketika itu, hanya kita generasi terkemudian yang berjaya membongkar rahsia sejarah hitam umat Islam.

Soalnya, apakah sejarah yang sama akan kita ukir dalam tamadun Melayu pada alaf baru ini?

Islam membenarkan kita berbeza pendapat, tetapi Islam tidak membenarkan kita berpecah. Islam membenarkan kita berbeza pendapat, tetapi ada pula adab perbezaan yang perlu diikuti.

Oleh itu tidak manis jika kita mengeneipkan adab perselisihan ketika kita berbeza pendapat. Janganlah sampai kita mendedahkan keaiban orang lain, memfitnah, mencaci, mewujudkan provokasi dengan tujuan menjatuhkan lawan. Itu bukanlah adab seorang muslim yang baik.

Berbeza pendapat dan pertimbangan adalah suatu fitrah dan masih dibenarkan oleh syariat, namun janganlah sampai bermusuhan dan mencari salah silap orang lain sahaja.

Jika nyata berlakunya perbezaan pendapat, maka kembalilah kedua-dua pihak kepada al-Quran dan sunnah agar pertelingkahan itu boleh dileraikan.

Tidak dinafikan, pemikiran (dan pertimbangan) ahli politik tidak akan sama dengan pemikiran ahli korporat mahupun ahli akademik.

Ahli politik banyak bergantung kepada kehendak massa dan kadangkala mereka keras hati dalam melakukan sesuatu perkara. Bahasa klasiknya ialah 'strategi'.

Ahli korporat pula melihat ruang yang ada untuk meningkatkan lagi operasi perekonomiannya tanpa menghiraukan apa reaksi dan tindakan ahli politik.

Sebaliknya ahli akademik tentunya lebih terpengaruh dengan idealisme luar biasa yang mungkin kadangkala tidak berjejak pada realiti. Namun, perbezaan pertimbangan ini masih boleh diselarikan jika kita mahu yang terbaik bagi bangsa Melayu Islam.

Kita tidak mahu umat ini kekal dalam kemelut kepompong yang kolot. Masih belum cukupkah 450 tahun bangsa Melayu terjajah di bumi bertuah ini dan kini mahu lagi dilangsungkan terjajah oleh tangan ganas pihak luar?

Atau adakah kerana bangsa Melayu hanya pandai ketawa, tetapi tidak tahu berfikir?

Mereka boleh ketawa terbahak-bahak ketika ahli panel dengan nada bersahaja menyentuh beberapa perkara penting tentang ummah, sayangnya maksud yang tersirat daripada apa yang disampaikan tidak berupaya

difahami.

(END)